

03/10/2003

Dua isuancam sidang Asean

M Thillinadan

PULAU eksotik Bali menanti dengan penuh harapan perhimpunan ketua kerajaan dari Asia Tenggara untuk Sidang Kemuncak Asean ke-8 mulai hari ini hingga 8 Oktober, supaya ia mengembalikan semula sinarnya selepas dimalapkan oleh penganas berikutan serangan bom yang mengakibatkan lebih 200 orang mati pada 12 Oktober tahun lalu.

Tidak seperti sidang kemuncak pertama pada 1976 yang turut diadakan di pulau peranginan itu, kali ini harapan penganjurnya, Indonesia, ialah supaya `KTT Asean' (Konferansi Tingkat Tinggi Asean) ini akan mengubah wajah muram pulau itu sejak tragedi berkenaan.

Pemilihan Bali sebagai tuan rumah adalah tanda perpaduan dan keharmonian dalam keluarga Asean untuk menunjukkan kepada dunia bahawa Bali adalah tempat yang selamat dan Indonesia bukan pusat operasi penganas.

Hakikatnya, keadaan suram juga sedikit sebanyak menyelubungi pertubuhan itu sendiri berikutan pelbagai perkembangan terkini serantau yang menimbulkan persoalan mengenai kemantapannya sebagai pasukan 10 negara yang bersatu padu dalam pelbagai isu.

Imejnya sedikit sebanyak tercalar, daripada rantau yang aman dan bebas daripada konflik kepada kini dikaitkan sebagai pusat pembiakan penganas, cabaran dalam hubungan dua hala antara negara anggota dan terbaru perkembangan di Myanmar berhubung kedudukan pemimpin demokrasinya, Aung San Suu Kyi yang dikenakan tahanan rumah.

Pemerhati bimbang kedua-dua isu berkenaan akan `merampas' agenda sidang kemuncak itu sendiri iaitu untuk mengukuhkan hubungan dan memantapkan kekuatan perpaduan di samping meningkatkan kerjasama politik, ekonomi serta sosio budaya dalam mewujudkan satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali.

Di sebalik kemuraman itu, Asean tetap menjadi relevan bagi memastikan rantau ini terus maju dan kira-kira 540 juta penduduknya mendapat pelbagai manfaat daripadanya.

Asean telah menjadikan rantau ini aman dan bebas tanpa perlu tunduk kepada mana-mana kuasa yang sentiasa berusaha untuk memperluaskan sayap mereka khususnya kuasa besar dengan cubaan menggagalkan pelbagai agendanya termasuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Asean dengan rakan-rakan dialognya dari Asia Timur khususnya Jepun, Korea Selatan dan China, berjaya mengatasi dugaan paling besar mereka apabila dapat menangani krisis kewangan 1997.

Tindakan China dan Jepun menandatangani perjanjian untuk menubuhkan kawasan perdagangan bebas (FTA) Asean-China dan Asean-Jepun di Phnom Penh tahun lalu dan kemungkinan India turut berbuat demikian, memperlihatkan ketahanan pertubuhan itu dalam menghadapi cabaran globalisasi.

China dan India dengan jumlah penduduknya kira-kira 2.5 bilion, membuka peluang untuk pasaran terbesar pada masa depan ekonomi global.

Kepentingan Asean jelas apabila banyak negara lain, termasuk dari Asia, Amerika Selatan dan Afrika memohon untuk menjadi rakan dialognya dan mengadakan hubungan ekonomi dengan mereka.

Delegasi Malaysia yang akan diketuai Dr Mahathir - kali terakhir sebagai Perdana Menteri, yakin sidang kemuncak kali ini dapat mengukuhkan lagi keakraban dalam keluarga Asean di samping memperluaskan pengaruhnya di rantau Asia.

Bagi ketua negara Asean, persaraan Dr Mahathir adalah kehilangan besar

kepada Asean itu sendiri kerana percaya akan wujud kekosongan dalam kepimpinan serantau, khususnya kerana Perdana Menteri bukan saja dilihat sebagai ketua negara paling kanan, juga sebagai suara mereka pada forum antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu wartawan Malaysia di New York baru-baru ini, mesyuarat kali ini dilihat penting kerana membabitkan perbincangan merangkumi hal serantau dan antarabangsa, termasuk isu Myanmar, Semenanjung Korea, konflik di Timur Tengah, keganasan dan juga kegagalan rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico, baru-baru ini.

Selain isu itu, agenda paling penting kali ini ialah tawaran tiga kuasa nuklear, China, India dan Russia untuk menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asean (TAC). China dan India akan menandatangani pada 8 Oktober ini, tetapi kedudukan Russia masih samar kerana menunggu kelulusan Duma (Parlimennya).

Melalui TAC, China dan India mahu memperkuatkan kehadiran mereka dalam Asean, di samping mahu menjadi suara dalam isu keselamatan serantau. Perjanjian asal TAC ditandatangani pada sidang kemuncak pertama di Bali oleh lima negara pengasas iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura pada 1976.

TAC bertujuan menggalakkan keamanan, persahabatan berkekalan dan kerjasama di kalangan rakyatnya untuk menyumbang ke arah kekuatan, perpaduan dan persahabatan.

Bagi Asean, persediaan tiga negara itu, khususnya Russia dan China yang menganggotai Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dilihat sebagai kemenangan besar kerana perjanjian itu mengikat mereka daripada menggunakan sebarang kekerasan dengan negara penandatanganan lain.

Menurut seorang diplomat Malaysia, ia menunjukkan ketiga-tiga negara besar itu tidak berminat untuk memperluaskan kuasa mereka di rantau ini.

Penganalisis juga berpendapat tindakan tiga kuasa nuklear memeterai TAC tepat pada masanya berikutan tindakan Amerika Syarikat (AS) yang cuba melebarkan kuasanya di rantau ini, khususnya di Afghanistan atas alasan keganasan.

Selain itu, kebanyakan negara Asean termasuk Indonesia dan Malaysia juga dikatakan tidak senang tindakan AS itu dan yakin penyertaan China, Russia dan India dalam TAC akan mengurangkan kuasa dan fungsi ketenteraan AS di rantau ini.

Penganalisis itu berkata: "Penerimaan tawaran China, India dan Russia oleh Asean untuk memeterai TAC, mungkin satu tanda simbolik bagi menyampaikan mesej politik kepada AS."

Prinsip utama TAC ialah negara anggota tidak boleh menggunakan sebarang kekerasan ketenteraan, menghormati kedaulatan dan wilayah setiap negara anggota, tidak campur tangan dalam hal ehwal domestik negara lain dan penyelesaian secara aman sebarang konflik.

Di bawah TAC, sebuah Majlis Tertinggi peringkat menteri mewakili semua negara ditubuhkan untuk menyelesaikan melalui rundingan sebarang konflik sesama negara anggota berdasarkan kod perilaku yang sedia ada.

Bagaimanapun, sejak Majlis Tertinggi itu ditubuhkan pada 1976, ia tidak pernah bermesyuarat kerana tidak pernah timbul sebarang konflik di kalangan negara anggota.

Selain TAC, India juga akan menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Asean-India Mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif bagi menggalakkan hubungan ekonomi dan perdagangan antara pertubuhan itu dan India.

India dijangka turut menandatangani untuk menerima pakai Deklarasi Bersama Asean-India Dalam Kerjasama Membanteras Keganasan Antarabangsa, manakala China pula akan menandatangani Deklarasi Bersama Perkongsian Strategik Asean-China (Asean+1). Jepun akan menandatangani Rangka Kerja

Komprehensif Bagi Kerjasama Ekonomi Asean-Jepun.

Satu lagi perkembangan penting di Bali ialah selepas 27 tahun, lima pengasas Asean menandatangani Asean Concord 1, kali ini semua 10 ketua negara anggota akan menandatangani Asean Concord 2 bagi merakamkan komitmen berterusan mereka terhadap pakatan itu.

Ia mempunyai tiga komponen penting iaitu mewujudkan Komuniti Keselamatan Asean, Komuniti Ekonomi Asean dan Komuniti Sosial dan Budaya Asean. Ketiga-tiga komponen itu dijangka akhirnya akan mewujudkan sebuah Komuniti Asean seperti Komuniti Eropah (EC).

Syed Hamid berkata, Asean Concord 2 akan menekankan komitmen negara anggota untuk melahirkan sebuah Komuniti Asean dengan keselamatan, ekonomi dan sosio budaya sebagai tunjangnya.

Indonesia mencadangkan penubuhan Komuniti Keselamatan Asean bagi membolehkan negara anggota menggembleng tenaga sebagai satu pasukan untuk membanteras keganasan, manakala Singapura mengemukakan idea berhubung Komuniti Ekonomi Asean.

Bagaimanapun, difahamkan Komuniti Ekonomi Asean tidak akan menggunakan pendekatan EC seperti pengenalan mata wang tunggal dan kebebasan pergerakan rakyat serta peluang pekerjaan tanpa mengira kerakyatan, tetapi lebih kepada aliran bebas barangan, perkhidmatan dan pelaburan.

Antara isu besar yang dijangka hangat dibincangkan pada peringkat pegawai kanan dan menteri ialah berhubung tindakan Myanmar mengenakan tahanan rumah terhadap Suu Kyi.

Penahanan berterusan Suu Kyi oleh junta Myanmar bukan saja dijangka menjadi duri dalam daging bagi ketua kerajaan yang menghadiri sidang kemuncak kali ini, kegagalan membuat ketetapan dan memberi tekanan terhadap kerajaan Yangon akan dilihat dunia sebagai ketidakupayaan Asean untuk mendemokrasikan Myanmar.

Kegagalan membawa junta itu ke meja persidangan untuk mendapatkan kebebasan bagi Suu Kyi akan dilabel sebagai ketidakupayaan Asean sebagai satu pakatan serantau.

Menurut media Barat, Amerika dan Kesatuan Eropah (EU) kini menunggu hasil mesyuarat kali ini sebelum mengambil tindakan sendiri terhadap Myanmar termasuk sekatan ekonomi.

Bagaimanapun, sebarang tindakan mendesak junta tentera Myanmar akan dilihat sebagai memecahkan tradisinya selama ini iaitu tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota lain.

Pada Jun lalu, mesyuarat peringkat menteri buat pertama kali telah lari daripada tradisi itu dengan meminta Myanmar membebaskan pemenang anugerah Nobel Keamanan itu.

Persoalannya sama ada Asean sedia berkeras dengan Myanmar, termasuk kemungkinan memecatnya sebagai anggota seperti dicadangkan media Barat.

Indonesia menyifatkan 'pembebasan' Suu Kyi daripada tahanan penjara ke tahanan rumah sebagai penting dan yakin beliau akan dibebaskan sebelum mesyuarat ketua negara bermula pada 7 Oktober ini.

Seorang jurucakap Kementerian Luarnya dilaporkan memberitahu agensi berita AFP: "Kita semua tahu jika Suu Kyi masih ditahan ketika sidang kemuncak, seluruh dunia akan memerhatikan pendirian Asean."

Setiausaha Agung Asean, Ong Keng Yong, pula berharap isu Myanmar tidak akan membayangi kepentingan sidang kemuncak itu sendiri dan terus mencemar imej pertubuhan berkenaan.

Harapan terakhir kini terletak pada bahu wakil khas PBB, Tan Sri Razali Ismail yang berlepas ke Yangon semalam untuk meneruskan usahanya yang sebelum ini terbantut akibat tindakan Myanmar menahan Suu Kyi di penjara.

Turut dijangka mendapat perhatian pemimpin Asean dan tiga rakan dialog iaitu China, Jepun dan Korea Selatan ialah perkembangan membimbangkan di Semenanjung Korea berikutan tindakan Korea Utara menyambung semua program

nuklearnya.

Ketua kerajaan Asean dijangka membuat ketetapan mendesak Korea Utara menghentikan serta-merta program nuklearnya supaya ia akan mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau itu.

Dengan pelbagai isu dan cabaran di depan mereka, ketua negara mempunyai tanggungjawab besar untuk memastikan apa saja penyelesaian, ia tidak melonglaikan ikatan perpaduan dan keharmonian yang dinikmati selama ini. Untuk itu, mereka perlu tegas tetapi terus komited kepada kewujudan Asean, tanpa melukai hati mana-mana pihak.